

Silat Sedunia: Usaha BH dipuji

20 NOV 1987

KUALA LUMPUR, Khamis — Profesor Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Prof Mohd Taib Osman, memuji usaha *Berita Harian* dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menganjurkan Kejohanan Silat Sedunia di Stadium Negara, pada 2-9 Disember ini.

"Saya mengagumi usaha itu dan berharap seni silat khususnya silat Melayu akan terus digilap serta mendapat tempat di kalangan generasi muda," katanya.

Beliau berkata, kejayaan memperkenalkan seni silat Melayu ke peringkat antarabangsa adalah sesuatu yang bersejarah dan harus dibanggakan oleh rakyat negara ini.

Prof Mohd Taib berkata, silat bukan sahaja dijadikan seni mempertahankan diri atau menunjukkan kegagahan seseorang tetapi melatih dan membentuk disiplin diri.

"Generasi hari ini perlu mencontohi generasi muda zaman lampau seperti yang diceritakan dalam buku Hikayat Melayu dan sastera rakyat yang berlumba-lumba mencari guru untuk mengajar mereka membaca al-Quran dan bersilat," katanya.

Beliau berkata, silat adalah satu nilai yang baik dan harus dipujuk sejak kecil lagi.

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA



4TH
WORLD SILAT
CHAMPIONSHIP
1987
KUALA LUMPUR
2hb — 9hb Disember 1987
Di Stadium Negara

Anjuran Bersama
Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan
Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa
Berita Harian Sdn Bhd

18 negara setuju hantar pasukan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Lapan belas negara mengesahkan penyertaan mereka dalam Kejohanan Silat Sedunia di Stadium Negara di sini dari 2 hingga 9 Disember ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, memberitahu pemberita, bilangan negara yang mengesahkan penyertaan masing-masing setakat ini amat menggalakkan.

Katanya, ada juga negara-negara yang menyatakan keinginan menghantar lebih satu pasukan dan membawa bersama penyokong serta pemerhati. **21 NOV 1987**

Negara-negara yang akan mengambil bahagian ialah Amerika Syarikat, Austria, Australia, Belanda, Belgium, Brunei Darussalam, Filipina, Great Britain, Indonesia, Jerman Barat, Malaysia, Perancis, Sepanyol, Singapura, Surinam, Tanzania, Turki dan Yugoslavia.

Piala

Datuk Sabbaruddin berkata, tema kejohanan lapan hari itu, iaitu 'Silat Untuk Semua' bermaksud silat sebagai warisan seni sejagat yang sesuai dan boleh diterima oleh semua golongan di seluruh dunia.

Beliau juga mengumumkan Piala Hang Tuah bernilai \$5,500 sebagai piala rebutan bagi johan keseluruhan kejohanan itu.

Kejohanan itu, yang menyediakan 60 pingat, akan dijalankan mengikut kelas-kelas bagi lelaki dan wanita berdasarkan kepada berat badan.

Kejohanan itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia, Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa dan Berita Harian Sdn Bhd. — Bernama.